

0701

U 8359 BAH
PARLIMEN - SAGA

KUALA LUMPUR, 14 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA PROGRAM PEHBANGUNAN PEMBEKAL KOMPONEN PROTON SAGA BERJAYA MELAHIRKAN 73 USAHAWAN YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG DALAM PENGELUARAN DAN PEMBEKALAN KOMPONEN UNTUK PROJEK KERETA NASIONAL ITU.

SEMASA MENJAWAB SOALAN ENCSK HASHIM SAFIN (BN-TANAH MERAH) DI DEWAN RAKYAT, BELIAU BERKATA 13 DARIPADA PENGUSAHA ITU ADALAH USAHAWAN KECIL DAN SEDERHANA BUMIPUTERA YANG TERBABIT DALAM PENGELUARAN 5 2 KOMPONEN.

+DI SAMPING ITU KERAJAAN TELAH MELAKSANAKAN SKIM KOMPONEN PROTON SEBAGAI USAHA MEMUPUK USAHAWAN BUMIPUTERA YANG TERLIBAT DALAM PENGELUARAN PERALATAN INI BAGI MENJAMIN KEJAYAAN MEREKA, + KATA BELIAU.

KATANYA, PROGRAM UNTUK MENGGALAKKAN PERUSAHAAN MENGELUARKAN KOMPONEN TEMPATAN UNTUK KERETA PROTON SAGA TELAH BERMULA SEJAK TAHUN 1985 DAN KINI TERDAPAT SEBANYAK 910 KOMPONEN TEMPATAN.

DARIPADA JUMLAH ITU, 391 KOMPONEN DIKELUARKAN OLEH PENGUSAHA-PENGUSAHA TERTENTU MANAKALA 319 KOMPONEN BERKAITAN DENGAN BADAN KERETA DIKELUARKAN SENDIRI OLEH PROTON. -- LAGI
1742MST 14 06 90

0702

U 8360 BAH
PARLIMEN - SAGA 2 KUALA LUMPUR

+MATLAMAT PROTON ADALAH UNTUK MENCAPAI 80 PERATUS KOMPONEN TEMPATAN DALAM PENGELUARAN KERETA NASIONAL ITU MENJELANG AKHIR TAHUN 1992, + TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA PROGRAM MENGGALAKKAN PENGELUARAN KOMPONEN TEMPATAN ITU DILAKSANAKAN OLEH PROTON SEBAGAI SATU SKIM KERJASAMA DENGAN PENGUSAHA TEMPATAN.

SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN DARIPADA ANGGOTA PARLIMEN YANG SAHA MENGENAI PELUANG PEKERJAAN BAGI BEKAS PELATIH-PELATIH PUSAT LATIHAN KEMAHIRAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEREKA YANG TERBABIT HENDAKLAH BEKERJA DENGAN MANA-MANA SYARIKAT DAN MENIMBA PENGALAMAN UNTUK MENJADIKAN MEREKA USAHAWAN YANG BERJAYA.

KATANYA, PARA BELIA TIDAK HARUS BERSIKAP INGIN CEPAT MENJADI +TAUKE BESAR+ TANPA MEMILIKI KEUPAYAAN MODAL DAN PENGALAMAN KERANA RISIKO DALAM BIDANG PERNIAGAAN AKAN MENYEBABKAN MEREKA MENGALAML KERUGIAN.

SEMASA MENJAWAB SOALAN HAJI BUJANG ULIS (BEBAS-SIMUNJAN), BELIAU BERKATA KERAJAAN TIDAK BOLEH MENJAMIN BEKAS PELATIH PUSAT LATIHAN KEMAHIRAN ITU MENDAPAT APA-APA PEKERJAAN TETAPI AKAN BEKERJAMA DENGAN MANA-MANA FIRMA UNTUK MEMASTIKAN MEREKA MENDAPAT PEKERJAAN.
-- BERNAMA

1745MST 1 4 06 9 0